TAKLIMAT TENDER

CADANGAN MENAIKTARAF RUANG SOLAT TINGKAT BAWAH MASJID NEGERI SULTAN IDRIS SHAH 11, IPOH, PERAK

25 FEBRUARI 2021


Oleh :
JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK

LATAR BELAKANG MASJID

Tapak cadangan bagi projek **Menaiktaraf Rekabentuk Dalaman (Aras Bawah) Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan** ini terletak di perkarangan Masjid Sultan Idris Shah II yang dibina di atas sebidang tanah seluas kira-kira 2.6 hektar di tengah- tengah bandaraya Ipoh dan berhadapan dengan Stesen Keretapi Ipoh.

Banguna masjid ini dinamakan sebagai 'Masjid Negeri (Perak)' dan telah digelarkan 'Masjid Sultan Idris Shah II' sempena nama Sultan Idris Iskandar Shah II yang telah kembali ke Rahmatullah pada tahun 1984.

Masjid ini berbentuk empat persegi bujur, iaitu panjangnya 84m dan lebarnya 42m. Ia mengandungi dua tingkat. Tingkat atas bangunan ini diliputi oleh kisi-kisi terrazzo yang berselirat dengan telepok-telepok tradisi Islam, Di sekeliling bangunan juga teratur tentulang-tentulang terrazzo yang panjang lampai. Atap dewan jemaah besar telah dibina dengan konkrit bertulang yang bertebok dengan 44 buah lubang persegi untuk mengeluarkan hawa panas (tetapi semua lullang tersebut telahpun ditutup apabila dewan dipasangkan hawa dingin pada tahun 1995). Lubang-lubang ini dipayungkan pula dengan 30 buah kubah-kubah gelembong dan 14 buah kubah-kubah leper, dan dihiasi dengan cermin beranika warna. Kubah-kubah ini mengelilingi sebuah kubah besar yang terletak di tengah-tengah dewan jemaah besar. Kubah besar ini lebarnya 10.3 m dari lantai. Segala kubah ini kelihatan dari luar tersusun dengan indahnya dan bersinaran di bawah cahaya matahari.



Dewan jemaah besar berbentuk empat persegi dan lebarnya ialah 36m dan boleh memuat lebih kurang 1,500 orang. Lantainya berlapik dengan permaidani yang berbelang menunjukkan saf-saf sembahyang. Di pintu masuk dan di dinding mehrab terdapat tulisan ayat-ayat suci. Dewan kecil berukuran 36 m panjang dan 12 m lebar, dan boleh memuat kira-kira 500 orang. Dewan kecil ini boleh dikhaskan untuk kaum wanita dan juga digunakan sebagai tempat mengaji serta tempat mengadakan ceramah agama.

Menara masjid ini tersulur dari tanah setinggi 31m ke kemuncaknya dan dilengkapi dengan tangga besi dan lif untuk muatan 6 orang. Pemandangan yang permai dari atas menara ini meliputi seluruh kawasan bandaraya Ipoh. Empat buah pembesar suara telah dipasang di bawah bumbungnya.

MAKLUMAT RINGKAS PROJEK

- **Kerja Menaiktaraf**

  - Cadangan kerja **Menaiktaraf Rekabentuk Dalaman (Aras Bawah) Masjid Negeri Perak Darul Ridzuan** ini melibatkan melibatkan kerja-kerja mengubahsuai keseluruhan ruang solat di aras bawah masjid sediada yang telah daif dan tidak kondusif untuk digunakan. Dengan adanya kerja menaiktaraf ruang solat ini kepada rekabentuk yang lebih terkini dengan fasiliti yang lebih baik akan dapat memberi keselesaan kepada jemaah masjid.

  Kerja-kerja **menaiktaraf** ini melibatkan beberapa skop di dalam ruang solat aras bawah iaitu:

  a. Menaiktaraf dinding hadapan (Mihrab) masjid sediada
  b. Menukar siling lama kepada siling baharu untuk bahagian dalam dan serambi luar
  c. Menukar karpet lama kepada karpet baharu
  d. Membalut (*Box up*) keseluruhan tiang di dalam ruang solat aras bawah
  e. Menggantikan dinding kaca sediada dengan dinding kaca baharu dari jenis *stained glass*
  f. Menaiktaraf pintu masuk utama bahagian kiri dan kanan masjid
  g. Membina baharu tempat wuduk wanita
  h. Sistem pendawaian elektrik dan pemasangan pendingin hawa akan dinaiktaraf dengan menyusun semula mengikut susunan selari dengan siling.

MAKLUMAT TENDER

Pelanggan

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Pegawai Penguasa

JURUTERA DAERAH, JKR KINTA

Kaedah Kontrak

KONVENSIONAL DALAMAN

MAKLUMAT TENDER

- Iklan Akhbar pada 25.02.2021 (Khamis)

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat	Gred Kategori dan Pengkhususan	Tempat dan Tarikh Dokumen Jual	Harga Dokumen dan Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh dan Waktu Tender Tutup
JKR Perak Darul Ridzuan	Cadangan Kerja-kerja Hiasan Dalaman Di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri) Ipoh, Perak Darul Ridzuan	Bumiputera T1	**Berdaftar dengan LPIPM (CIDB)** **Gred : G4** **Kategori : B** **Pengkhususan : B04 & B28**	Ibu Pejabat JKR Perak , Unit Kontrak & Ukur Bahan **01.03.2021 (Isnin) hingga 08.03.2021 (Isnin)**	**RM150.00** Bendahari Negeri Perak	Ibu Pejabat JKR Perak, Unit Kontrak & Ukur Bahan **15.03.2021 (Isnin)** **Jam 5.00 Petang**

Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** Sila layari http://jkrperak.gov.my/index.php/kontraktor/sebutharga -tender/1296-cadangan-kerja-hiasan-dalaman-di-masjid-sultan-idris-shah-ii-masjid-negeri-ipoh-perak-darul-ridzuan

JKR Perak Darul Ridzuan

GRED / KATEGORI /PENGKHUSUSAN / TARAF / JENIS SYARIKAT

i) BERDAFTAR DENGAN CIDB : **Gred G4**

ii) Kategori : **B**

iii) Pengkhususan : **B04 & B28**

iv) **Terbuka Bumiputera**

TEMPOH SIAP MAKSIMUM

TEMPOH SIAP MAKSIMUM YANG DITETAPKAN ADALAH **25 MINGGU**

DOKUMEN TENDER

Setiap petender akan menerima satu (1) set dokumen lengkap dalam bentuk salinan *hardcopy* yang terdiri daripada perkara-perkara berikut :

i) Seksyen I (Kehendak-Kehendak Kontrak)
ii) Seksyen II
- Ringkasan Tender
- Senarai Kuantiti
- Jadual Kadar Harga

iii) Seksyen III
- Spesifikasi
- Senarai Lukisan
- Lukisan Tender

Petender bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen tender yang dibelinya adalah lengkap. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau mukasurat di dalam dokumen tender berkenaan berdasarkan semakan oleh petender dengan Dokumen Meja Tender, adalah menjadi tanggungjawab petender untuk merujuk kepada pejabat yang mengeluarkan tender supaya pembetulan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.

JKR
Perak Darul Ridzuan

DOKUMEN TENDER (samb.)

- Petender boleh merujuk kepada dokumen berikut sebagai panduan semasa mengisi dan melengkapkan dokumen tender.

- Senarai Semakan Kandungan Dokumen Tender
- Senarai Semakan Mengemukakan Tender Untuk Kegunaan Petender

- Petender dikehendaki mengisi, melengkapkan dan mengembalikan perkara- perkara berikut:

i) Semua Seksyen dalam Dokumen Tender kecuali LukisanTender.
ii) Borang-Borang Maklumat.
iii) Senarai Semakan Dokumen (SSD)

- Bagi Dokumen Tender yang dibekalkan dengan salinan *softcopy* Senarai Kuantiti, Petender hendaklah menghargakan dan mengembalikannya bersama-sama Dokumen Tender pada Tarikh TutupTender.

- Jika tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/perkhidmatan syarikat penghantaran (kurier), Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender selewat- lewatnya pada pukul 5.00 petang. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

BORANG-BORANG MAKLUMAT YANG PERLU DILENGKAPI OLEH PETENDER

BORANG A	**- SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER**
BORANG B	**- MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER**
BORANG C	**- DATA KEWANGAN PETENDER**
BORANG CA	**- LAPORAN BANK / INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT PETENDER**
BORANG D	**- SENARAI KERJA / KONTRAK SEMASA PETENDER**
BORANG DA	**- LAPORAN PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER**
BORANG E	**- REKOD PENGALAMAN KERJA PETENDER (SENARAI KERJA DALAM TEMPOH 5 TAHUN LEPAS)**
BORANG F	**- SURAT AKUAN PEMBIDA *(INTEGRITY PACT)***

JKR
Perak Darul Ridzuan

MAKLUMAT KEWANGAN

1. Petender hendaklah mengisi **Borang C** (Data Kewangan Petender)

2. Petender **WAJIB** mengemukakan **sekurang-kurangnya salah satu** dokumen kewangan berikut :

a. Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3)tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang **diaudit** dan **disahkan** dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah

atau

b. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.

atau

c. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di **Borang CA** yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan

JKR
Perak Darul Ridzuan

MAKLUMAT KEWANGAN (samb.)

3. Deposit tetap (sekiranya ada) yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

4. Pihak Kerajaan akan membuat semakan dengan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan bagi mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh petender. Petender hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan mengemukakan maklum balas dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh surat dihantar kepada mereka. Kegagalan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan untuk mengemukakan maklum balas dalam tempoh tersebut akan menyebabkan maklumat kewangan petender yang berkenaan tidak diambil kira dalam penilaian.

JKR
Perak Darul Ridzuan

MAKLUMAT TEKNIKAL

a) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja semasa di **Borang D.** Petender **WAJIB** mengisi **Borang DA** dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan petender untuk mengisytiharkan kerja semasa akan menyebabkan tendernya ditolak. Bagi petender yang tidak mempunyai kerja semasa, sila catatkan “Tiada Kerja Semasa” di **Borang D**.

b)Petender dikehendaki menyenaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di **Borang E** berserta dokumen-dokumen sokongan sekiranya mempunyai pengalaman kerja. Bagi petender yang tidak mempunyai pengalaman kerja, sila catatkan “Tiada pengalaman” di **Borang E**. Kegagalan petender untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan di **Borang E** akan mengakibatkan maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen. Hal ini boleh menyebabkan maklumat tersebut tidak diambil kira.

JKR
Perak Darul Ridzuan

MAKLUMAT TEKNIKAL (samb.)

c) Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

i) Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**;

ii) Laporan Asal Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti **Borang DA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan

iii) Salinan Surat Setuju Terima atau Salinan Perakuan Siap Kerja/ Pengesahan Siap Kerja/Perakuan Muktamad setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di **Borang E**.

SURAT AKUAN PEMBIDA (INTEGRITY PACT)

- Petender **WAJIB** mengisi dan menandatangani **Borang F**.

- Kegagalan mengisi borang ini akan menyebabkan tendernya **DITOLAK**.

DOKUMEN TAMBAHAN

Petender yang mempunyai dan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut boleh diberi keutamaan dalam perakuan tender :

a) Sijil SCORE

- Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) Bintang terutama bagi petender yang menawarkan harga tender di bawah paras Harga *Cut-Off.*

b) Sijil/Perakuan Anugerah

- Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik.

c) Sijil/Surat Pengesahan Pelaksanaan Program PROTEGE

- Petender mengemukakan sijil atau surat pengesahan pelaksanaan Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) daripada Sekretariat PROTÉGÉ.

JKR
Perak Darul Ridzuan

PEMATUHAN AKTA 342 DAN NORMA BAHARU DALAM SEKTOR PEMBINAAN DANA DALAM MENANGANI EPIDEMIK DAN PENDAMIK COVID 19

- Petender yang berjaya dikehendaki mematuhi Akta Pencegah dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan semua Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang berkaitan dalam menangani Epidemik dan Pandemik seperti wabak Covid 19yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, CIDB dan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

- Petender dikehendaki mengambilkira dalam harga tender untuk pematuhan perkara 30.1.

- Kegagalan mematuhi Akta, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan boleh diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan sebarang tuntutan akibat tindakan ini tidak akan dipertimbangkan.

JKR
Perak Darul Ridzuan

HARGA INDIKATIF JABATAN

- Harga Indikatif Jabatan bagi tender ini adalah Ringgit Malaysia :

  DUA JUTA ENAM RATUS EMPAT PULUH TIGA RIBU EMPAT RATUS LIMA PULUH SAHAJA (RM2,643,450.00)

- Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

- Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

- Petender yang menawarkan harga melebihi Harga Indikatif Jabatan tidak akan dinilai.

JKR
Perak Darul Ridzuan

DOKUMEN MEJA TENDER

Naskah lengkap Dokumen Meja Tender boleh dirujuk di :

Tempat :

Juruukur Bahan Penguasa
Tingkat 1, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak

Masa : **Isnin hingga Khamis :**
8.00 Pagi – 1.00 Petang
2.00 Petang – 4.00 Petang

Jumaat :
8.00 Pagi – 12.15 Petang
2.45 Petang – 4.00 Petang

JKR
Perak Darul Ridzuan

PENYERAHAN TENDER

- Dokumen Tender hendaklah dilengkapkan dan dimasukkan di dalam sampul serta dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenalan Petender pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek berikut di bahagian atas sebelah kanan iaitu :

CADANGAN KERJA-KERJA HIASAN DALAMAN MASJID SULTAN IDRIS SHAH II (MASJID NEGERI) IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN


dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui perkhidmatan pos berdaftar/ perkhidmatan syarikat penghantaran (kurier) kepada :

Juruukur Bahan Penguasa
Tingkat 1, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH, PERAK.

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** tidak lewat atau pada pukul 5.00 petang pada Tarikh Tutup Tender. Mana-mana Tender yang sampai selepas masa dan Tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan. Tanpa sebarang obligasi, Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana Tender yang telah dihantar tetapi didapati hilang atau lewat diterima. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran mana-mana Tender.

JKR
Perak Darul Ridzuan

LOKASI TAPAK




MASJID NEGERI SULTAN IDRIS SHAH 11, IPOH, PERAK

KOORDINAT TAPAK BINA

4.59633, 101.07574 @ 4°35'46.8"N 101°04'32.7"E

JKR
Perak Darul Ridzuan


PELAN TAPAK



CADANGAN MENAIKTARAF RUANG SOLAT TINGKAT BAWAH MASJID NEGERI SULTAN IDRIIS SHAH 11, IPOH, PERAK

JKR Perak Darul Ridzuan

PELAN LANTAI




CADANGAN MENAIKTARAF RUANG SOLAT TINGKAT BAWAH MASJID NEGERI SULTAN IDRIIS SHAH 11, IPOH, PERAK

SKOP SENIBINA

SKOP KERJA SENIBINA YANG TERLIBAT :

1. Menaiktaraf dinding hadapan (Mihrab) masjid sediada
2. Menukar siling lama kepada siling baharu untuk bahagian dalam dan serambi luar
3. Menukar karpet lama kepada karpet baharu
4. Membalut (*Box up*) keseluruhan tiang di dalam ruang solat aras bawah
5. Menggantikan dinding kaca sediada dengan dinding kaca baharu dari jenis *stained glass*
6. Menaiktaraf pintu masuk utama bahagian kiri dan kanan masjid
7. Membina baharu tempat wuduk wanita
8. Sistem pendawaian elektrik dan pemasangan pendingin hawa akan dinaiktaraf dengan menyusun semula mengikut susunan selari dengan siling.


SUDUT DALAMAN




JKR
Perak Darul Ridzuan

SUDUT DALAMAN

GAMBAR MEHRAB SEDIA ADA



GAMBARAN CADANGAN MEHRAB








PERSPEKTIF DALAMAN

LUKISAN 3D PERSPEKTIF HANYALAH SEKADAR GAMBARAN KONSEP OLEH
ARTIS ILUSTRASI SAHAJA. TIDAK BOLEH DIJADIKAN UKURAN UNTUK PEMBINAAN.


JKR
Perak Darul Ridzuan

SUDUT DALAMAN




JKR
Perak Darul Ridzuan

SUDUT DALAMAN




JKR
Perak Darul Ridzuan

SUDUT DALAMAN




SUDUT DALAMAN



JKR
Perak Darul Ridzuan

SUDUT DALAMAN



KOD DAN SPESIFIKASI

KOD	KEMASAN SILING (KS)
NOTA :	SEBELUM KERJA-KERJA PEMASANGAN SILING BAHARU SEMUA PENDAWAIAN ELEKTRIK HENDAKLAH DISELARASKAN SEMULA TERMASUK PERLETAKKAN SUIS, KABEL, SUSUNATUR LAMPU, KIPAS SERTA PERLETAKKAN PENGHAWA DINGIN. -PEMASANGAN SILING BAHARU HENDAKLAH MUDAH DI BUKA PASANG UNTUK MEMUDAHKAN KERJA-KERJA PENYELENGARAAN ELEKTRIK & MEKANIKAL
KS ALC	CORAK A (PATTERN A) PANEL SILING AKUSTIK JENIS ALUMINIUM 'PANELITE DECORATIVE PANEL 2.5mm TBL. - (WHITE POWDER COATED TYPE) DENGAN REKABENTUK MENGIKUT MOTIF ISLAMIK GEOMETRI ; BERWARNA PUTIH. PEMASANGAN HENDAKLAH MENGIKUT ATURAN PEMBEKAL.
KS ALS	CORAK B (PATTERN B) PANEL SILING AKUSTIK JENIS ALUMINIUM BERLUBANG KECIL ø 0.2mm DARI *'PANELITE PEFORATED PANEL'* 2.5mm TBL. JENIS *'WHITE POWDER COATED'* DIPASANG MENGIKUT ATURAN PEMBEKAL.
A/C	PENGHAWA DINGIN SEDIA ADA JENIS 'CEILING CASSETTE'

CONTOH SILING BERJALUR 'ALUMN. STRIP CEILING'


PELAN PANTULAN SILING UTAMA

SKALA 1 : 200

MENUNJUKKAN SKOP BAGI KERJA-KERJA TAMBAHAN SILING YANG BAHARU DI TINGKAT BAWAH MASJID NEGERI PERAK



2 JENIS CONTOH SILING AKUSTIK JENIS 'DECORATIVE PANEL' DAN 'PEFORATED TYPE'

SUDUT DALAMAN



CADANGAN KONSEP SILING' DI RUANG SOLAT UTAMA ARAS BAWAH MASJID

SUDUT DALAMAN

BILANGAN PERKARA, NAMA RUANG, GRID & KOD DINDING	KERJA–KERJA MEROBOH SPESIFIKASI / DESKRIPSI	KERJA–KERJA BAHARU TAMBAHAN SPESIFIKASI / DESKRIPSI	KERJA–KERJA BAHARU MENAIKTARAF SPESIFIKASI / DESKRIPSI
6) TIANG TENGAH DI DALAM RUANG SOLAT UTAMA (10 BILANGAN) TERMASUK 4 BIL. TIANG 1 GRID : SEPANJANG GRID 6 & 8 •6	i) TIANG ASAL / SEDIA ADA DIKEKALKAN  •TIANG 1 SEDIA ADA YANG MEMPUNYAI 'STAH - SALUR TURUN AIR HUJAN'	RUJUK KENYATAAN DISEBELAH →	i) SEMUA TIANG KONKRIT YANG BERADA DI TENGAH–TENGAH RUANG SOLAT UTAMA HENDAKLAH DINAIKTARAF DENGAN PEMASANGAN KEMASAN DARI JUBIN GRANIT BERWARNA HITAM LENGKAP DENGAN HIASAN KAMBI *(SKRTING)* DI BAHAGIAN BAWAH DAN HIASAN KUMAI JIKA PERLU MENGIKUT KEPADA REKABENTUK DAN KELULUSAN ARKITEK. *SEMUA BUCU TAJAM TIANG HENDAKLAH DIBULATKAN RUJUK KEPADA BUTIRAN PEMBEKAL. ii) TIANG 1 YANG MEMPUNYAI 'STAH' (SALUR TURUN AIR HUJAN) AKAN DITUTUP KESELURUHAN TERMASUK PAIP 'STAH' ; DITUTUP DENGAN KEMASAN JUBIN GRANIT.
7) TIANG DI HADAPAN / TEPI & BUCU DINDING PADA DINDING MEHRAB DAN JUGA DIBELAKANG RUANG SOLAT UTAMA SERTA KIRI & KANAN RUANG SOLAT GRID : SEPANJANG GRID A, G, 4 & 10 •7	i) TIANG ASAL / SEDIA ADA DIKEKALKAN RUJUK KENYATAAN DISEBELAH →	 •BUTIRAN TIANG '1' SKALA 1 : 100	i) SEMUA TIANG KONKRIT YANG BERADA DI BAHAGIAN TEPI RUANG SOLAT UTAMA IAITU SAMADA DI HADAPAN MEHRAB, DI BELAKANG DAN DI KIRI KANAN RUANG YANG BERTANDA TIANG 2, TIANG 3, TIANG 4, HENDAKLAH DIPASANG KEMASAN DARI JUBIN GRANIT PADA PERMUKAAN YANG MENGHADAP KE RUANG SOLAT.(RUJUK LUKISAN PADA HELAIAN **1.1**) ii) SEMUA TIANG INI HENDAKLAH DIPASANG DENGAN KEMASAN DARI JUBIN GRANIT GILAP BERWARNA HITAM / KELABU GELALP LENGKAP DENGAN HIASAN KAMBI *(SKRITING)* DI BAHAGIAN BAWAH. HIASAN KUMAI DI TENGAH TIANG MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA JIKA PERLU MENGIKUT KEPADA REKABENTUK DAN KELULUSAN ARKITEK. iii) TIANG DI 'G1' HENDAKLAH DIJUBIN PENUH MENGIKUT KEPERLUAN PADA PEMASANGAN JUBIN GRANIT DI GERBANG UTAMA (GERBANG IWAN – 'G1')

• *NOTA KERJA BAGI TIANG:*

1) SEMUA TIANG HENDAKLAH MEMPUNYAI HIASAN KEPALA TIANG 'CORNICE' / 'LITE MUQARNAS' DARI JENIS 'GFRG' – GYPSUM YANG DIBENTUK MENGIKUT CORAK ATAU MOTIF ISLAMIK.

2) TIDAK ADA SEBARANG PENAMBAHAN TIANG BAHARU DI DALAM RUANG SOLAT TINGKAT BAWAH ; MELAINKAN TANG 'STIFFENER' DI BAHAGIAN LUAR KORIDOR UNTUK RUANG WUDUK WANITA SAHAJA. RUJUK KEPADA JURUTERA.

3) SEMUA BUCU TAJAM TIANG HENDAKLAH DIBULATKAN RUJUK KEPADA BUTIRAN PEMBEKAL. DAN MENGIKUT KELULUSAN ARKITEK.

JADUAL JENIS TIANG			TIANG 5 ADALAH TIANG DI ANJUNG 'PORCH' (6 BILANGAN)
TIANG 1		4 BIL.	LOKASI DI TENGAH RUANG SOLAT
TIANG 1a		4 BIL.	LOKASI DI TENGAH RUANG SOLAT
TIANG 2		11 BIL.	LOKASI DI DINDING MEHRAB
TIANG 3		4 BIL.	LOKASI DI DINDING BUCU MEHRAB & DINDING BELAKANG
TIANG 4		2 BIL.	LOKASI DI DINDING BELAKANG
TIANG 'G1'		4 BIL.	LOKASI DI DINDING 'G1'

JKR Perak Darul Ridzuan

CADANGAN KONSEP 'BOX-UP' TIANG SEDIA ADA DI RUANG SOLAT UTAMA ARAS BAWAH MASJID

SUDUT DALAMAN

i) KEMASAN LANTAI ASAL KARPET SEDIA ADA AKAN DIBONGKAR. RUJUK KENYATAAN DISEBELAH ⟶	RUJUK KENYATAAN DISEBELAH ⟶	1) KARPET SEDIA ADA AKAN DIGANTI DENGAN KARPET YANG BAHARU PADA SEMUA PERMUKAAN LANTAI DI RUANG SOLAT UTAMA. KARPET HENDAKLAH YANG DIREKABENTUK DENGAN CORAK BUNGA 'MEDALION' DI TENGAH RUANG SOLAT MANAKALA GARISAN SAF AKAN DITANDA DENGAN JAHITAN BENANG ; SERTA MEMPUNYAI UNDERLAY. PEMASANGAN KARPET HENDAKLAH DIRUJUK KEPADA PEMBEKAL DENGAN KELULUSAN ARKITEK, TERMASUK CORAK, WARNA DAN REKABENTUK KARPET. 2) RUJUK GAMBARAJAH DI BAWAH

- EMPAT CADANGAN BAGI KEMASAN KARPET DI RUANG SOLAT TINGKAT BAWAH MASJID NEGERI.
- KEMASAN KARPET AKAN MELIPUTI RUANG SELUAS LEBIH KURANG 33M x 33M



DESIGN 01
COLOR CODE

#4e1316 Maroon	#134b98 Royal Blue
#ecae21 Yellow	#81b2e0 Sky Blue
#b58168 Peach	
#9ea9b1 Grey	



DESIGN 02
COLOR CODE

#88171a Red	#4f2121 Brown
#245775 Blue	#95987d Light Green
#e5d2be Cream	
#28453e Dark Green	



DESIGN 03
COLOR CODE

#d65131 Orange	#a8a49d Grey
#a31d21 Red	#577b38 Light Green
#172951 Dark Blue	
#f7eaa6 Light Yellow	



- DESIGN 04 ; ADALAH SEPERTI GAMBARAN DI DALAM LUKISAN PERSPEKTIF DALAMAN.


DESIGN 04
COLOR CODE

#f6e4ca Cream	#000000 Black
#af5a27 Orange	#364a55 Dark Blue
#e5a327 Golden Yellow	#842821 Red
#421710 Brown	


CADANGAN KONSEP PERMAIDANI / KARPET JENIS BERCORAK BUNGA '*MEDALION*' DI RUANG SOLAT UTAMA ARAS BAWAH MASJID

JKR
Perak Darul Ridzuan

SUDUT DALAMAN



PELAN WUDUK WANITA
SKALA 1 : 100



KERATAN A-A
SKALA 1 : 100

- *NOTA:*
  SEMUA DIMENSI YANG DITUNJUKKAN HANYALAH UNTUK PENYEDIAAN LUKISAN SAHAJA: DIMENSI SEBENAR HENDAKLAH DIBUAT OLEH KONTRAKTOR SEBELUM KERJA–KERJA PEMBINAAN DIJALANKAN DI TAPAK BINA.

- SPESIFIKASI KERJA PEMBINAAN TEMPAT WUDUK WANITA

- BIL. PILI WUDUK JENIS PANJANG DARI KELULI TAHAN KARAT 'BRASS STAINLESS STEEL.'
- CERMIN DINDING (600 X 1500 X 6mm TBL)
- 1 UNIT PINTU GELANGSAR DARI BINGKAI ALUMN. DENGAN PANEL AKRILIK DGN. PELEKAT BERWARNA.
- 'STOOL' BATA BERJUBIN TEMPAT DUDUK DI SALAH SATU PILI WUDUK WANITA. (TINGGI 450mm)
- LANTAI KONKRIT BERJUBIN SERAMIK JENIS ANTI GELINCIR (JUBIN KESAT) ; SAIZ 600 X 300mm. (3 JENIS WARNA BERBEZA)
- DINDING BAHARU DARI BATA BERLEPA SETINGGI 2.1M DENGAN KEMASAN JUBIN GILAP DI BAHAGIAN DALAM TERMASUK PADA DINDING SEDIA ADA. (SAIZ JUBIN 600mm X 300mm) TERMASUK DINDING WUDUK 1.2m
- 100mm DIA. PAIP UPVC DARI PERANGKAP LANTAI LONGKANG WUDUK DISALIR BUANG KE LONGKANG BAWAH LANTAI KORIDOR ; PENYAMBUNGAN HENDAKLAH DIRUJUK KEPADA BUTIRAN JURUTERA.
- PENUTUP PERANGKAP LANTAI LONGKANG WUDUK DARI JENIS 'STAINLESS STEEL'.
- PENUTUP PERANGKAP LANTAI LONGKANG WUDUK DARI JENIS 'STAINLESS STEEL'.
- DINDING SEDIA ADA UNTUK PEMASANGAN PIINTU GELANGSAR HENDAKLAH DI TEBUK

NOTA :

1) BAGI KEMUDAHAN UNTUK JEMAAH WANITA ; RUANG WUDUK DIBINA BERSEBELAHAN RUANG SOLAT WANITA. IAITU DI LUAR KORIDOR PADA GRID 4 / G – F

2) SEMUA PENDAWAIAN ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL HENDAKLAH DIBUAT SERAPAT MUNGKIN DENGAN SOFFIT SILING UNTUK MEMUDAHKAN KERJA KERJA PEMASANGAN SILING SESUAI DENGAN SILING KASET PENGHAWA DINGIN ; MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA DI TAPAK.

3) MASALAH SEDIA ADA :

- TERDAPAT TEMPAT WUDUK WANITA SEDIA ADA DI KIRI–KANAN MASJID CUMA AGAK JAUH DARI RUANG SOLAT WANITA; DIISOLASIKAN PADA JARAK KIRA–KIRA 35–40 METER DARI PINTU MASUK JEMAAH WANITA DI BAWAH.
- PERLETAKKAN PAPAN TANDA PENUNJUK ARAH SEDIA ADA YANG TIDAK SESUAI.

- *LUKISAN INI BOLEH DI RUJUK BERSAMA DENGAN JADUAL SPESIFIKASI SENARAI KERJA NO.9 (HELAIAN 4.3)*



TEMPAT WUDUK SEDIA ADA JAUH TERKEBELAKANG. (35 - 40m)

KAWASAN INI AKAN DIBANGUNKAN TEMPAT WUDUK WANITA YANG BAHARU.

PINTU MASUK SEDIA ADA UTK. JEMAAH WANITA



KAWASAN INI AKAN DIBANGUNKAN TEMPAT WUDUK WANITA YANG BAHARU.

JKR Perak Darul Ridzuan


CADANGAN TAMBAHAN RUANG WUDUK WANITA DI ARAS BAWAH

SUDUT DALAMAN

BILANGAN PERKARA, NAMA RUANG, GRID & KOD DINDING	KERJA–KERJA MEROBOH	KERJA–KERJA BAHARU TAMBAHAN	KERJA–KERJA BAHARU MENAIKTARAF
	SPESIFIKASI / DESKRIPSI	SPESIFIKASI / DESKRIPSI	SPESIFIKASI / DESKRIPSI
3) DINDING DENGAN PINTU KACA SEDIA ADA JENIS GELANGSAR DI KIRI KANAN RUANG SOLAT. GRID : SEPANJANG GRID 4 & 10 KOD DINDING : D4 & D4a •3	i) DINDING PINTU KACA TERMASUK PANEL TETAP DI ATAS AMBANG PINTU MASUK SEDIA ADA AKAN DIROBOH.  ● GAMBAR SEDIA ADA DINDING DAN PINTU KACA YANG AKAN DIROBOH	 RUJUK KENYATAAN DISEBELAH → ● CONTOH 'ISLAMIC STAINED GLASS' KERJA-KERJA PEMASANGAN 'STAINED GLASS' PADA DINDING D4a & SEMUA PANEL TETAP DI ATAS AMBANG PINTU ADALAH DIRUJUK KEPADA KERJA-KERJA PAKAR MENGIKUT RUANG DAN SAIZ SEPERTI SEDIA ADA	1) SEMUA DINDING 'D4' DAN PINTU KACA GELANGSAR SEDIA ADA AKAN DINAIKTARAF KEPADA PINTU KACA GELANGSAR 'FRAMELESS' (MANUAL) LENGKAP DENGAN PELEKAT DEKORATIF 'FROSTED STICKER' BERMOTIF ISLAMIK GEOMETRI MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA PEMBINAAN. SEMUA PEMASANGAN ADALAH DIRUJUK KEPADA ATURAN PEMBEKAL DAN KERJA–KERJA PAKAR. 2) SEMUA DINDING 'D4a' HANYA DIPASANG PANEL KACA TETAP JENIS "STAINED GLASS " SAHAJA. (TANPA PINTU) (2 BILANGAN) 3) SEMUA PANEL KACA TETAP DI ATAS AMBANG PINTU AKAN DINAIKTARAF KEPADA PANEL KACA TETAP JENIS "STAINED GLASS". (D4 & D4a). RUJUK LUKISAN HELAIAN 2.3 ●
5) DINDING BATA SEDIA ADA DI BHG. BELAKANG RUANG SOLAT GRID : DI BAWAH GRID F KOD DINDING : D6, D7, D8, D9 & D10 •5	i) DINDING ASAL SEDIA ADA DIKEKALKAN	RUJUK KENYATAAN DISEBELAH →  ● CONTOH PANEL DEKORATIF DARI 'CLC -FOAM' DENGAN CORAK MOTIF ISLAMIK GEOMETRI. (SAIZ 1m LEBAR x 2m TINGGI)	i) SEMUA DINDING SEDIA ADA 'D6' HINGGA 'D10' HANYA DINAIKTARAF IAITU DI CAT SEMULA DENGAN CAT EMULSI MENGIKUT ATURAN PEMBEKAL DENGAN KELULUSAN ARKITEK. * DINDING 'D6 DAN 'D9' HENDAKLAH DIADAKAN PANEL HIASAN DEKORATIF DARI 'CLC–FOAM' YANG BERCORAK DENGAN MOTIF ISLAMIK GEOMETRI DI TAMPAL PADA DINDING. CORAK, SAIZ DAN WARNA ADALAH MENGIKUT REKABENTUK YANG TELAH DILULUSKAN OLEH ARKITEK.
● NOTA: SEMUA PANEL KACA YANG DIRUJUK KEPADA PENGGUNAAN "STAINED GLASS" HENDAKLAH BERCORAK ATAU BERDEKORATIF DENGAN MOTIF ISLAMIK GEOMETRI.			
11) KEMASAN SILING DI ANJUNG & "DROP–OFF AREA" •11	i) TIADA SILING SEDIA ADA ; HANYA SOFFIT CEILING	1) SILING BAHARU AKAN DITAMBAH DIBAWAH 'SOFFIT ROOF SLAB' DARI JENIS : ALUMINIUM *'DECORATIVE PANEL & STRIP LINEAR TYPE'* BERWARNA COKLAT / PERANG – *'PRE–PAINTED / POWDER COATED'* ; SEMUA PEMASANGAN HENDAKLAH MERUJUK KEPADA ATURAN PEMBEKAL DENGAN KELULUSAN ARKITEK ; LENGKAP DENGAN PEMASANGAN LAMPU. ● KEMASAN SILING DI ANJUNG BUKAN DARI JENIS AKUSTIK	



● GAMBARAN SEDIA ADA ANJUNG KERETA *(EXISTING PORCH)*



● SILING LUAR JENIS KS SL1 & KS SL2 ADALAH DARI JENIS SILING ALUMINIUM YANG DIPASANG DIBAWAH 'SOFFIT' BUMBUNG KONKRIT JENIS ALUMN. STRIP YANG LENGKAP DENGAN PANEL BERMOTIF ISLAMIK; LENGKAP DENGAN LAMPU LED 'DOWN LIGHT'.

HIASAN KEPALA TIANG 'GFRG' DGN. LAMPU SULUH ATAS

SILING 'SOFFIT SLAB' HENDAKLAH DI 'SKIM–COAT'

● NOTA:
SEMUA DIMENSI YANG DITUNJUKKAN HANYALAH UNTUK PENYEDIAAN LUKISAN SAHAJA: DIMENSI SEBENAR HENDAKLAH DIBUAT OLEH KONTRAKTOR SEBELUM KERJA–KERJA PEMBINAAN DIJALANKAN DI TAPAK BINA.


● **PELAN SILING ANJUNG KERETA**
SKALA 1 : 200

JKR Perak Darul Ridzuan

- SEBARANG PERTANYAAN YANG BERKAITAN BOLEH MERUJUK KEPADA:

Bil.	Bahagian	No. Telefon	Nama Pegawai
1.	BAHAGIAN BANGUNAN, IBU PEJABAT JKR PERAK (HOPT)	05-2534041 Samb. : 4064	Ir. NORJULIZA AZLINA BINTI MOHD BASRI
2.	BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN, JKR PERAK	05-2534041 Samb.: 4014	EN. NORAZMI BIN MOHD. ARSHAD
3.	JKR DAERAH KINTA	05 – 527 7055	EN. KAMAL AFENDI BIN DESA
4.	BAHAGIAN ARKITEK, JKR PERAK	05-2534041 Samb.: 4044	PN. NURUL HAZRITA BINTI YUSUF

SEKIAN,
TERIMA KASIH



JKR
Perak Darul Ridzuan